

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/1993

April 1993

SAU404 - Kriminologi

Masa: (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi sembilan muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA (30) soalan di Bahagian A, dan semua soalan-soalan pendek di Bahagian B dan Bahagian C.

Bahagian A (30 markah)

Jawab semua soalan dengan menandakan (X) dalam kertas Jawapan yang dilampirkan.

1. Jenayah adalah bebas daripada pengaruh politik dan keadaan ini tidak berubah dari satu generasi ke generasi yang lain.
(a) Benar
(b) Salah

2. Tindakan-tindakan "mala in se" merujuk kepada tindakan-tindakan yang dilarang oleh undang-undang di bawah "statute" tertentu.
(a) Benar
(b) Salah

3. "Mens rea" merujuk kepada keadaan fikiran bersifat jenayah (criminal state of mind).
(a) Benar
(b) Salah

4. Kriminologi klasikal mengutamakan konsep kehendak bebas (free will) dalam penjelasan jenayah.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

5. Menurut Lombroso penjenayah dilahirkan dengan sifat-sifat biologikal yang lemah (inferior) dan sifat-sifat ini menyebabkan tingkahlaku jenayah.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

6. Ahli-ahli positivist percaya bahawa faktor-faktor jasmani (fizikal) menentukan jenayah. Oleh itu mereka menegaskan bahawa hukuman-hukuman yang dijatuhkan harus lebih luwes (flexible) dengan mengambil kira keadaan (kedudukan) penjenayah.
 - (a) Benar
 - (b) Salah

7. Dari kajian-kajian Enrico Ferri, kita boleh memutuskan bahawa semua penjenayah (criminals) mempunyai tubuh badan berbentuk "mesomorphic".
 - (a) Benar
 - (b) Salah

8. "Bapa kriminologi" adalah gelaran yang diberi kepada;
 - (a) Sheldon
 - (b) Garofalo
 - (c) Lombroso
 - (d) Goring
 - (e) Tiada satu di atas adalah benar

9. Teori-teori Persahabatan Berbeda (Differential Association) menegaskan bahawa jenayah:
- (a) Diwarisi (inherited)
 - (b) Dipelajari melalui interaksi dengan orang lain
 - (c) Adalah tingkahlaku yang melibatkan kelas bawahan sahaja
 - (d) Semua di atas adalah benar
10. "Menafikan Kecedaraan" (Denial of Injury) adalah satu konsep asas teori gelaran (labeling).
- (a) Benar
 - (b) Salah
11. Menurut Beccaria, ketakutan kepada hukuman akan menghindarkan individu daripada melakukan jenayah.
- (a) Benar
 - (b) Salah
12. Menurut ahli teori klasikal kriminolog, kanak-kanak dan orang gila tidak boleh dituduh sebagai penjenayah.
- (a) Benar
 - (b) Salah
13. Menurut Lombroso, terdapat 3 kelas penjenayah yang asas. Ini tidak termasuk:
- (a) Dilahirkan sebagai penjenayah
 - (b) Penjenayah gila
 - (c) Penjenayahan pembunuhan
 - (d) Penjenayah biasa
14. Kajian Hooten mendapati seseorang penjenayah berbeza daripada mereka yang bukan penjenayah terutama dari segi ukuran badan dan ciri-ciri fizikal seperti dahi yang rendah, dan muka yang leper.
- (a) Benar
 - (b) Salah

15. "Superego" ialah bahagian diri (self) dan akal pemikiran seseorang yang sentiasa cuba mengawal keseimbangan Id dan Ego.
- (a) Benar
 - (b) Salah
16. Menurut Reduan Aslie, satu faktor utama dalam peningkatan kadar jenayah di Malaysia ialah peningkatan jenayah yang berkaitan dengan dadah di seluruh negara Malaysia sejak tahun 1970.
- (a) Benar
 - (b) Salah
17. Pendekatan "kriminologi neoklassikal" menitikberatkan rancangan-rancangan pemulihan dan rawatan untuk penjenayah.
- (a) Benar
 - (b) Salah
18. Menurut kajian-kajian yang telah dijalankan mengenai rogol, perogol biasa adalah seorang yang tidak dikenali oleh mangsa.
- (a) Benar
 - (b) Salah
19. Menurut teori kawalan (containment) Reckless, si penjenayah memperolehi:
- (a) Ego yang lemah
 - (b) Konsep diri yang rendah
 - (c) Kawalan dalaman (inner containment) yang lemah
 - (d) Kawalan luaran (outer containment) yang lemah
 - (e) Semua di atas adalah benar
20. Teori pelajaran sosial (social learning theory) kriminologi merupakan satu usaha teoritikal untuk menjelaskan semua jenis jenayah yang dilakukan oleh kelas bawahan.
- (a) Benar
 - (b) Salah

21. Menurut Cloward dan Ohlin, kebudayaan-kebudayaan struktur kejiwaan (neighborhood) menentukan sejauhmana peluang-peluang sah (legitimate) dan tidak sah (illegitimate) terdedah kepada ahli-ahli komuniti itu. Ini termasuk kebudayaan-kebudayaan kecil yang bersifat:
- (a) Konflik
 - (b) Jenayah (criminal)
 - (c) "Ritualist"
 - (d) Semua di atas
 - (e) a dan b sahaja
22. Undang-undang jenayah (Criminal Law) termasuk:
- (a) Peraturan-peraturan dan procedure-procedure untuk penyiasatan jenayah dan penjenayah
 - (b) Peraturan-peraturan untuk menjalankan perbicaraan
 - (c) Peraturan-peraturan mengenai kepenjaraan
 - (d) Semua di atas
 - (e) a dan c di atas sahaja
23. Felony merujuk kepada kesalahan-kesalahan kecil (minor) yang biasanya dihukum dengan denda atau penjara tidak melebihi 1 tahun.
- (a) Benar
 - (b) Salah
24. "Scienter" merujuk kepada pengetahuan yang diperolehi oleh seorang individu bahawa apa yang dilakukannya adalah salah dan dilarang oleh undang-undang.
- (a) Benar
 - (b) Salah

...6/-

25. Pembunuhan (murder) yang dilakukan secara "accidental" (tidak sengaja) tanpa niat yang jahat dan tidak dirancang adalah:
- (a) Pembunuhan Darjah Pertama (1st Degree Murder)
 - (b) Pembunuhan Darjah Kedua (2nd Degree Murder)
 - (c) "Manslaughter"
 - (d) Semua di atas
26. Menurut Freud, pada dasarnya manusia adalah bersifat
- (a) Bukan rational (non rational)
 - (b) Sentiasa cuba memaximakan keseronokan (pleasure) jika tidak dikawal
 - (c) Rational
 - (d) a dan b sahaja adalah benar
 - (e) b dan c sahaja adalah benar
27. Menurut ahli-ahli sosiologis "Chicago School" kadar Jenayah Juvana adalah tertinggi di
- (a) Kawasan kemiskinan
 - (b) Kawasan yang mengalami kadar bunuh diri yang tinggi
 - (c) Kawasan di mana kadar jenayah dewasa juga adalah tinggi
 - (d) Semua di atas adalah benar
 - (e) a dan c sahaja adalah benar
28. Mengikut seorang daripada pengarang di bawah, jenayah adalah satu tanda penunjuk konflik di antara kebudayaan, khususnya konflik norma-norma ahli masyarakat yang terlibat dalam berbagai jenis kebudayaan kecil yang berbeza. Siapakah dia?
- (a) Sellin
 - (b) Sutherland
 - (c) Merton
 - (d) Cohen
 - (e) Beccaria

29. Menurut ahli-ahli kriminologi konflik, undang-undang dalam setiap masyarakat mencerminkan minat-minat pihak-pihak yang mengawal institusi-institusi ekonomi dan politik masyarakat.
- (a) Benar
 - (b) Salah
30. Menurut Tuan OCPD Georgetown, kadar jenayah meningkat pada tahun _____ kerana keadaan kemerosotan ekonomi di Malaysia.
- (a) 1982
 - (b) 1984
 - (c) 1986
 - (d) 1988
 - (e) 1992

Bahagian B (35 markah)

Jawab semua soalan.

1. Teori-teori kriminologi termasuklah;

- (1) Teori-Teori Biologikal,
- (2) Teori-Teori Psikogenik,
- (3) Teori-Teori Struktur Sosial,
- (4) Teori-Teori Proses-Proses Sosial,
- (5) Teori-Teori Reaksi Sosial.

Pilih 2 jenis teori kriminologikal di atas dan untuk setiap jenis teori yang dipilih, huraikan:

- (a) Sumbangan teoritikal 2 ahli kriminologis.
- (b) Andaian-andaian ahli-ahli kriminologis tersebut mengenai sifat semulajadi (asas) manusia mengenai jenayah
- (c) Faktor-faktor utama yang menyebabkan jenayah berlaku.
- (d) Faktor-faktor penting yang dititikberatkan dalam rancangan pemulihan dan kawalan jenayah.

Bahagian C (35 markah)

Jawab semua soalan.

1. Pilih satu jenayah yang anda minati kemudian huraikan soalan-soalan berikut:
 - (a) Definisikan jenayah tersebut dalam kontek Malaysia.
 - (b) Skala dan skop masalah jenayah tersebut mengikut aliran-aliran dan kadar-kadar jenayah yang diperolehi.
 - (c) Penjelasan teoritikal utama mengenai jenayah tersebut.
 - (d) Langkah-langkah pencegahan dan kawalan jenayah tersebut yang dijalankan di Malaysia.
 - (e) Kesan-kesan jenayah tersebut ke atas masyarakat Malaysia.

- oo o0 oo -

Ikatkan kertas jawapan ini dengan buku-buku jawapan esei.

- | | (a) | (b) | (c) | (d) | (e) |
|-----|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. | () | () | () | () | () |
| 2. | () | () | () | () | () |
| 3. | () | () | () | () | () |
| 4. | () | () | () | () | () |
| 5. | () | () | () | () | () |
| 6. | () | () | () | () | () |
| 7. | () | () | () | () | () |
| 8. | () | () | () | () | () |
| 9. | () | () | () | () | () |
| 10. | () | () | () | () | () |
| 11. | () | () | () | () | () |
| 12. | () | () | () | () | () |
| 13. | () | () | () | () | () |
| 14. | () | () | () | () | () |
| 15. | () | () | () | () | () |
| 16. | () | () | () | () | () |
| 17. | () | () | () | () | () |
| 18. | () | () | () | () | () |
| 19. | () | () | () | () | () |
| 20. | () | () | () | () | () |
| 21. | () | () | () | () | () |
| 22. | () | () | () | () | () |
| 23. | () | () | () | () | () |
| 24. | () | () | () | () | () |
| 25. | () | () | () | () | () |
| 26. | () | () | () | () | () |
| 27. | () | () | () | () | () |
| 28. | () | () | () | () | () |
| 29. | () | () | () | () | () |
| 30. | () | () | () | () | () |